

05/10/1997

IFC tawar bantu atasi krisis mata wang

WASHINGTON: Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC) iaitu bahagian sektor swasta Bank Dunia, kelmarin menawarkan bantuan kepada syarikat Malaysia yang menghadapi masalah berikutan krisis mata wang bagi membiayai projek infrastruktur.

IFC menyatakan, ia menghantar satu misi mengumpul maklumat ke Kuala Lumpur minggu ini bagi membincangkan inisiatif baru meskipun negara itu dikategorikan mampu berdikari tanpa bantuannya.

Sebagai peraturan umum, IFC menyatakan, ia tidak memberi peruntukan kepada sesebuah negara dalam kategori itu.

Negara tertentu diberi status itu apabila sektor swastanya memiliki laluan dalam pasaran modal antarabangsa untuk mendapat pembiayaan tanpa bantuan IFC.

Tetapi, pegawai IFC di Washington, berkata krisis mata wang Asia meningkatkan keperluan supaya IFC lebih aktif di Malaysia selain pelaburan masa depan.

Mata wang Malaysia, ringgit, menurun sejak pertengahan tahun ini. Nilainya jatuh 30 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat sejak awal Julai lalu dan minggu ini mencecah rekod baru paling rendah sejak diapungkan pada 1973.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi gesaan supaya peraturan urus niaga ringgit diperketatkan atas alasan undang-undang yang ada tidak mencukupi.

Masalah penurunan nilai mata wang itu yang tercetis berikutan kebimbangan daripada krisis ekonomi Thailand, turut merendahkan nilai stok cip biru di Malaysia.

Berikutan itu, Kuala Lumpur memutuskan untuk menangguhkan beberapa projek infrastruktur termasuk pembinaan empangan Bakun, dipercayai boleh mengurangkan jurang akaun semasa yang dianggap punca masalah ekonomi Malaysia.

Menurut IFC, perwaki-lannya ke Malaysia menemui pegawai kanan kerajaan mengenai `peluang baru meningkatkan sokongan IFC kepada sektor swasta di Malaysia dengan membantu firmannya yang beroperasi di luar negara'.

IFC juga menawarkan pakar `struktur dan teknikal bagi projek infrastruktur selain memainkan fungsi membina institusi dalam sektor kewangan.

IFC ketika ini menyokong empat projek di Malaysia, dengan portfolio kurang daripada AS\$6 juta (RM20 juta).

IFC adalah sumber ekuiti dan pinjaman terbesar sektor swasta di negara membangun kerana meminjamkan secara terus kepada syarikat, melakukan pelaburan ekuiti dan menarik sumber kewangan lain untuk projek firma swasta. - Reuter

(END)